

BERJAYA SOMPO INSURANCE BERHAD (62605-U)
(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan Para Pengarah dan Penyata Kewangan Beraudit
30 April 2009

Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

Kandungan	Muka surat
Laporan pengarah	1 – 7
Penyata pengarah	8
Pengisytiharan berkanun	8
Laporan juruaudit bebas	9 – 10
Kunci kira-kira	11
Penyata perubahan ekuiti	12
Penyata pendapatan	13
Akaun hasil insurans am	14
Penyata aliran tunai	15
Nota kepada penyata kewangan	16 – 52

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Laporan pengarah

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2009.

Kegiatan utama

Kegiatan utama Syarikat ialah perniagaan menaja jamin insurans am.

Tidak ada sebarang perubahan penting di dalam bentuk aktiviti utama di sepanjang tahun kewangan.

Keputusan

RM'000

Untung bersih bagi tahun kewangan

6,553

Tidak ada sebarang pindahan material kepada ataupun daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang didedahkan di dalam penyata perubahan ekuiti.

Pada pendapat para pengarah, keputusan pengendalian Syarikat di sepanjang tahun kewangan semasa tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang bersifat material dan luarbiasa.

Dividen

Tidak ada pengumuman atau pembayaran dividen dari Syarikat sejak berakhirnya tahun kewangan yang lalu.

Para pengarah tidak mengesyorkan sebarang pembayaran dividen akhir berhubung tahun kewangan semasa.

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Pengarah

Nama para pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak dari tarikh akhir laporan ini adalah :-

Dato' Abdul Rahman bin Hamidon
Loh Lye Ngok
Dato' Haji Ahmad Bin Sidek
Datuk Bhupatrai a/l Mansukhlal Premji
Dato' Robin Tan Yeong Ching
Kenji Kojima
Tadashi Baba (dilantik pada 8 April 2009)
Shigeru Ehara (meletak jawatan pada 8 April 2009)
Khaw Ooi Tong (bersara pada 3 Oktober 2008)

Urus takbir korporat

Syarikat telah mematuhi kesemua keperluan preskriptif, dan mengguna pakai amalan pengurusan yang tekal dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah Garis Panduan JPI/GPI 25 Rangkakerja Berhemat Urus Tadbir Korporat bagi Penanggung Insurans, yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Standard Urus Tadbir Korporat

Keanggotaan, peranan dan syarat-syarat rujukan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurus Risiko, Jawatankuasa Pencalonan serta Jawatankuasa Ganjaran bagi Lembaga adalah seperti berikut :-

(1) Jawatankuasa Audit

Komposisi Jawatankuasa Audit ("AC") adalah seperti berikut:

- (i) Dato' Abdul Rahman bin Hamidon (Pengerusi)
- (ii) Dato' Haji Ahmad Bin Sidek
- (iii) Datuk Bhupatrai a/l Mansukhlal Premji
- (iv) Tadashi Baba (dilantik pada 16 April 2009)
- (v) Shigeru Ehara (meletak jawatan pada 16 April 2009)

Bidang kuasa Jawatankuasa Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas-tugas bagi memastikan system kawalan dalaman yang menyeluruh bagi mengawal aset Syarikat. Mereka juga bertanggungjawab untuk meneliti laporan penyata kewangan dan laporan audit dalaman yang dikendalikan mengikut peraturan dan kehendak undang-undang.

AC bermesyuarat sebanyak tujuh kali di sepanjang tahun kewangan.

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Standard Urus Tadbir Korporat (samb.)

(2) Jawatankuasa pengurusan risiko

Komposisi Jawatankuasa Pengurusan Risiko (“RMC”) adalah seperti berikut:

- (i) Dato’ Haji Ahmad Bin Sidek (Pengerusi)
- (ii) Dato’ Abdul Rahman bin Hamidon
- (iii) Datuk Bhupatrai a/l Mansukhlal Premji
- (iv) Khaw Ooi Tong (meletak jawatan pada 3 Oktober 2008)

Tanggungjawab RMC merangkumi mengkaji semula, menilai dan mencadangkan strategi pengurusan risiko serta toleransi risiko, perihal kecukupan polisi tersebut dan rangka kerja bagi mengenal pasti, mengukur, memantau serta mengawal risiko dan juga sejauh mana ia beroperasi dengan berkesan menerusi infrastruktur, sumber serta sistem yang mencukupi.

RMC bermesyuarat sebanyak lima kali di sepanjang tahun kewangan.

(3) Jawatankuasa Pencalonan

Komposisi Jawatankuasa Pencalonan (“NC”) adalah seperti berikut:

- (i) Dato’ Abdul Rahman bin Hamidon (Pengerusi)
- (ii) Dato’ Robin Tan Yeong Ching
- (iii) Loh Lye Ngok
- (iv) Dato Haji Ahmad bin Sidek
- (vi) Kenji Kojima
- (vi) Datuk Bhupatrai a/l Mansukhlal Premji
- (iv) Khaw Ooi Tong (meletak jawatan pada 3 Oktober 2008)

NC bertanggungjawab mewujudkan keperluan minimum untuk Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif agar mereka dapat menjalankan tanggungjawab mereka dengan berkesan, Setiap tahun ia akan mengkaji semula struktur Lembaga, saiz dan komposisi dan gabungan kemahiran dan kecekapan teras yang diperlukan oleh Lembaga untuk melaksanakan tugas mereka dengan efektif. NC perlu menilai keberkesanan Lembaga dan lembaga Jawatankuasa secara tahunan.

NC juga diberi kuasa untuk mempertimbangkan dan menilai perlantikan pengarah-pengarah baru dan pengarah-pengarah untuk mengisi kerusi Lembaga Jawatankuasa Syarikat dan mencadangkan calon-calon kepada Lembaga dan BNM untuk perlantikan dan perlantikan semula atau pemilihan semula. Selain itu, jawatankuasa juga diamanahkan dengan tanggungjawab untuk melantik dan menilai Ketua Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan penting Syarikat.

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Standard Urus Tadbir Korporat (samb.)

(3) Jawatankuasa pencalonan (samb.)

Jawatankuasa NC juga perlu memastikan semua Pengarah menjalani program induksi yang bersesuaian dan menerima latihan berterusan. Malah, NC juga turut mengawasi perancangan penggantian pengurusan Syarikat.

NC bermesyuarat sebanyak dua kali di sepanjang tahun kewangan.

(4) Jawatankuasa ganjaran

Komposisi Jawatankuasa Ganjaran ("RC") adalah seperti berikut:

- (i) Dato' Abdul Rahman bin Hamidon (Pengerusi)
- (ii) Dato' Robin Tan Yeong Ching
- (iii) Datuk Bhupatrai a/l Mansukhlal Premji
- (iv) Tadashi Baba (dilantik pada 16 April 2009)
- (v) Khaw Ooi Tong (meletak jawatan pada 3 Oktober 2008)
- (vi) Shigeru Ehara (meletak jawatan pada 16 April 2009)

RC bertanggungjawab mencadangkan suatu rangka kerja ganjaran untuk para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan penting Syarikat. Selain itu, ia turut bertanggungjawab mengesyorkan pakej ganjaran yang khusus buat para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan penting Syarikat.

RC bermesyuarat sebanyak sekali di sepanjang tahun kewangan.

Faedah pengarah

Baik pada hujung tahun kewangan, mahupun pada bila-bila masa di sepanjang tahun, tidak wujud sebarang perancangan yang melibatkan Syarikat, di mana para pengarah mungkin mendapat faedah melalui pemerolehan syer atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat lain, selain daripada opsiyen ke atas syer belum terbit syarikat pemegang dan syarikat berkaitan lain yang diberikan kepada pengarah-pengarah tertentu seperti yang didedahkan di bahagian kepentingan para pengarah.

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah yang telah menerima atau menjadi berhak untuk menerima faedah (selain daripada faedah yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau belum bayar dan belum diterima oleh para pengarah, seperti yang tertera dalam Nota 19 kepada penyata kewangan dan penyata kewangan syarikat berkaitan ataupun gaji tetap pekerja sepenuh masa Syarikat) disebabkan oleh kontrak yang telah dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan mana-mana pengarah atau dengan firma di mana beliau adalah rakan kongsi atau dengan syarikat di mana beliau mempunyai kepentingan kewangan yang besar, kecuali seperti yang didedahkan dalam Nota 22 kepada penyata kewangan.

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Kepentingan pengarah

Menurut daftar pemegangan saham pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan di dalam syer, Saham Pinjaman Tak Bercagar Boleh Tukar Tak Boleh Tebus (“ICULS”) di dalam syarikat pemegangan muktamad, syarikat pemegangan dan syarikat berkaitan yang lain di sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:-

**Syarikat Pemegangan Muktamad:
Berjaya Corporation Berhad (“BCorp”)**

	Bilangan syer biasa bernilai RM1 setiap satu			
	Pada 1.5.2008	Dibeli	Dijual	Pada 30.4.2009
Loh Lye Ngok	2,000	-	-	2,000
	*150,000	100,000	-	*250,000
Dato’ Robin Tan Yeong Ching	679,247	43,600	-	722,847
	* 5,000	-	-	* 5,000

**Bilangan 0% Saham Pinjaman Tak Bercagar Boleh Tukar
Tak Boleh Tebus 2005/2015 pada RM0.50 nilai nominal**

	Bilangan syer biasa bernilai RM1 setiap satu			
	Pada 1.5.2008	Dibeli	Ditukar	Pada 30.4.2009
Dato’ Robin Tan Yeong Ching	7,201	-	(7,201)	-
Loh Lye Ngok	*500,000	-	(500,000)	-

**Syarikat Berkaitan yang lain
- Berjaya Land Berhad (“BLB”)**

	Bilangan syer biasa bernilai RM1 setiap satu			
	Pada 1.5.2008	Dibeli	Dijual	Pada 30.4.2009
Dato Robin Tan Yeong Ching	150,000	-	-	150,000
Loh Lye Ngok	*400,000	-	-	* 400,000

- Berjaya Sports Toto Brhad (“BTOTO”)

	Bilangan syer biasa bernilai RM0.10 setiap satu			
	Pada 4.2.2008	Dibeli	Dijual	Pada 30.4.2009
Dato’ Robin Tan Yeong Ching	762,000	10,000	-	772,000
Loh Lye Ngok	-	10,000	-	10,000

* Kepentingan tidak langsung mengikut Seksyen 134 (12)(c) Akta Syarikat, 1965

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Kepentingan pengarah (samb.)

Selain dari yang didedahkan di atas, tiada mana mana pengarah yang berjawatan pada hujung tahun kewangan mempunyai apa-apa kepentingan dalam saham Syarikat atau perbadanan berkaitan pada tahun kewangan.

Maklumat berkanun lain

- (a) Sebelum kunci kira-kira dan penyata pendapatan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang wajar:
 - (i) bagi memastikan bahawa tindakan yang betul telah diambil berkaitan dengan menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan mereka berpuas hati bahawa tiada sebarang hutang lapuk yang diketahui dan bahawa peruntukan yang mencukupi telahpun dibuat untuk hutang ragu;
 - (ii) bagi memastikan bahawa mana-mana aset semasa yang tidak berkemungkinan direalisasi nilainya seperti yang tertera dalam rekod perakaunan melalui urusan biasa perniagaan telahpun diturun nilai ke suatu amaun yang mana ia dijangka dapat direalisasi; dan
 - (iii) bagi memastikan bahawa terdapat peruntukan yang mencukupi bagi tuntutan tertanggung, termasuk tuntutan tertanggung tetapi tidak dilaporkan (“IBNR”).
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui akan sebarang keadaan yang:
 - (i) memerlukan apa-apa amaun dihapus kira sebagai hutang lapuk atau menjadikan peruntukan amaun bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi ke sebarang tahap yang ketara; dan
 - (ii) menyebabkan nilai yang diberikan kepada aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat sebagai mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini dibuat, para pengarah tidak mengetahui tentang apa-apa keadaan yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Syarikat yang sedia ada sebagai mengelirukan atau tidak bersesuaian.
- (d) Pada tarikh laporan ini dibuat, para pengarah tidak mengetahui tentang apa-apa keadaan melainkan ia telahpun diuruskan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang boleh menyebabkan mana-mana amaun yang tercatat dalam penyata kewangan sebagai mengelirukan.

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Maklumat Berkanun Lain (samb.)

- (e) Pada tarikh laporan ini dibuat, tidak wujud:
- (i) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti bersyarat bagi Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (f) Pada pendapat para pengarah :
- (i) Tiada liabiliti bersyarat atau liabiliti lain yang telah berkuatkuasa atau berkemungkinan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas tamat tahun kewangan, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat dalam memenuhi obligasinya apabila dan pada masa ia perlu dijelaskan; dan
 - (ii) Tiada perkara, urusan niaga ataupun peristiwa yang bersifat penting dan luar biasa yang telah timbul di antara akhir tahun kewangan dan pada tarikh laporan ini dibuat yang berkemungkinan memberi kesan ketara kepada keputusan pengendalian Syarikat bagi tahun kewangan yang mana laporan ini dihasilkan.

Bagi maksud perenggan (e) dan (f) di atas, luar jangka atau liabiliti lain termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak insurans yang ditaja jamin dalam urusan biasa perniagaan Syarikat.

Juruaudit

Juruaudit, Ernst & Young telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus memegang jawatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi pengarah bertarikh 7 Julai 2009.

Dato' Abdul Rahman bin Hamidon

Loh Lye Ngok

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Penyata pengarah
Selaras dengan Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965**

Kami, Dato' Abdul Rahman bin Hamidon dan Loh Lye Ngok, merupakan dua daripada pengarah Berjaya Sampo Insurance Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 11 hingga 52 telah dirangka melalui pemakaian Standard Perakaunan Yang Diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965, bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Syarikat pada 30 April 2009 serta keputusan aliran tunai Syarikat bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi pengarah yang bertarikh 7 Julai 2009.

Dato' Abdul Rahman bin Hamidon

Loh Lye Ngok

**Pengisytiharan Berkanun
Selaras dengan Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965**

Saya, Lim Chee Heng, sebagai pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Berjaya Sampo Insurance Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 11 hingga 52 pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat ikrar ini bersungguh-sungguh dengan sepenuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan selaras dengan peruntukan Akta Pengisytiharan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui
oleh penama dia atas LIM CHEE HENG
di Kuala Lumpur dalam Wilayah
Persekutuan pada 7 Julai 2009

Lim Chee Heng

Di hadapan saya

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli-ahli
Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Laporan tentang penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Berjaya Sampo Insurance Berhad, yang terdiri daripada lembaran imbangan Syarikat pada 30 April 2009, penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir tersebut dan ringkasan polisi perakaunan yang penting serta nota penjelasan yang lain pada muka surat 11 hingga 52.

Tanggungjawab para Pengarah ke atas penyata kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas penyediaan dan pembentangan penyata-penyata kewangan ini dengan saksama dan sejajar dengan Piawaian Pelaporan Kewangan serta Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk: merancang, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama dan bebas daripada salah nyata yang material, tidak kira akibat penipuan ataupun kesilapan; memilih dan menggunakan polisi perakaunan yang sesuai; dan membuat anggaran perakaunan yang wajar dengan keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah menyatakan pendapat tentang penyata-penyata kewangan ini berdasarkan pengauditan kami. Kami menjalankan pengauditan kami berdasarkan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta menjalankan pengauditan untuk mendapatkan kepastian yang sewajarnya sama ada penyata-penyata kewangan itu bebas daripada salah nyata yang material .

Pengauditan melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti pengauditan tentang jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, dan termasuk penilaian risiko tentang salah nyata yang material dalam penyata kewangan, tidak kira akibat penipuan ataupun kesilapan. Semasa penilaian risiko itu, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan Syarikat dan pembentangan penyata-penyata kewangan yang saksama untuk merangka prosedur pengauditan yang sesuai dengan keadaan, dan bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan yang dilakukan oleh para pengarah dan menilai pembentangan penyata-penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa bukti pengauditan yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah untuk pendapat audit kami.

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli-ahli
Berjaya Sampo Insurance Berhad (samb.)
(Diperbadankan di Malaysia)**

Pendapat

Pada pendapat kami penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajarnya menurut peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia di mana ianya memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 30 April 2009 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Laporan pada keperluan dasar undang-undang dan peraturan

Bersesuaian dengan perkara-perkara yang dikehendaki menurut Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki menurut Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta.

Perkara lain

Laporan ini dibuat hanya untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174, Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap sesiapa yang lain untuk kandungan laporan ini.

**Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan Berkanun**

**Gloria Goh Ewe Gim
No 1685/04/11 (J)
Akauntan Berkanun**

**Kuala Lumpur, Malaysia
7 Julai 2009**

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Kunci kira-kira pada 30 April 2009

Aset	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
Harta benda dan peralatan	3	31,603	31,101
Aset tak ketara	4	1,158	585
Pelaburan	5	647,856	561,376
Aset cukai tertunda	6	8,193	5,237
Pinjaman	7	35	164
Belum diterima	8	37,190	36,835
Baki tunai dan baki bank		18,528	13,001
Cukai		6,281	-
Jumlah aset		750,844	648,299
Liabiliti dan ekuiti			
Liabiliti			
Peruntukan bagi tuntutan belum jelas	9	312,662	228,115
Boleh bayar	10	45,221	38,451
Cukai perlu bayar		-	5,637
Rezab premium tak terperoleh	11	142,621	132,329
Jumlah liabiliti		500,524	404,532
Ekuiti			
Modal syer	12	118,000	118,000
Untung tertahan		132,320	125,767
Jumlah ekuiti		250,320	243,767
Jumlah liability dan ekuiti		750,844	648,299

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Penyata perubahan ekuiti
Bagi tahun berakhir 30 April 2009**

	Nota	Modal Syer RM'000	Untung Tertahan Boleh Agih RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Mei 2007		118,000	87,990	205,990
Untung bersih bagi tahun		-	77,071	77,071
Dividen	20	-	(39,294)	(39,294)
		-----	-----	-----
Pada 30 April 2008		118,000	125,767	243,767
		=====	=====	=====
Pada 1 Mei 2008		118,000	125,767	243,767
Untung bersih bagi tahun		-	6,553	6,553
		-----	-----	-----
Pada 30 April 2009		118,000	132,320	250,320
		=====	=====	=====

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Penyata pendapatan
Bagi tahun berakhir 30 April 2009**

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
Hasil kendalian	13	437,169 =====	376,290 =====
Dana pemegang saham:			
Pendapatan pelaburan	14	399	707
Pendapatan kendalian (perbelanjaan)/pendapatan	15	(362) -----	10,957 -----
		37	11,664
Lebihan dipindahkan daripada Akaun Hasil Insurans Am		8,420 -----	92,383 -----
Untung sebelum pencukaian		8,457	104,047
Pencukaian	16	(1,904) -----	(26,976) -----
Untung bersih bagi tahun kewangan		6,553 =====	77,071 =====
Perolehan sesyer (sen) – Asas	17	5.6 =====	65.3 =====

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

62605-U

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Akaun hasil insurans am
Bagi tahun berakhir 30 April 2009**

	Nota	Kebakaran		Motor		Marin, penerbangan dan transit		Pelbagai		Jumlah	
		2009	2008	2009	2008	2009	2008	2009	2008	2009	2008
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Hasil kendalian	13									436,770	375,583
Premium kasar		66,170	61,713	226,472	194,218	14,226	14,275	108,141	84,471	415,009	354,677
Insuran semula		(35,705)	(34,207)	(12,523)	(11,216)	(5,620)	(5,786)	(27,474)	(21,873)	(81,322)	(73,082)
Premium bersih		30,465	27,506	213,949	183,002	8,606	8,489	80,667	62,598	333,687	281,595
Peningkatan dalam rizab premium tidak terperoleh	11	(728)	(2,573)	(5,270)	(22,106)	(261)	(770)	(4,053)	(13,133)	(10,312)	(38,582)
Premium terperoleh		29,737	24,933	208,679	160,896	8,345	7,719	76,614	49,465	323,375	243,013
Tuntutan tertanggung bersih	18	(11,650)	(10,004)	(206,089)	(117,930)	(2,531)	(3,338)	(40,449)	(25,755)	(260,719)	(157,027)
Komisen bersih		69	(71)	(21,950)	(18,532)	(394)	(418)	(9,625)	(8,664)	(31,900)	(27,685)
Lebihan menaja jamin sebelum perbelanjaan pengurusan		18,156	14,858	(19,360)	24,434	5,420	3,963	26,540	15,046	30,756	58,301
Perbelanjaan pengurusan	19									(51,634)	(50,674)
Defisit/(lebihan) menaja jaminan										(20,878)	7,627
Pendapatan pelaburan	14									21,761	20,906
Pendapatan kendalian lain-bersih	15									7,537	63,850
Lebihan dipindahkan ke Penyata Pendapatan										8,420	92,383

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

62605-U

Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata aliran tunai
Bagi tahun berakhir 30 April 2009

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian			
Premium tertahan tolak komisen		381,399	266,431
Tuntutan tolak pemulihan		(252,775)	(155,640)
Pendapatan faedah		17,359	15,806
Dividen bersih		2,246	3,599
Perbelanjaan pengurusan		(49,240)	(46,124)
Pembelian pelaburan		(97,131)	(103,703)
Prosidi dari jualan pelaburan		98,199	146,501
Penempatan deposit tetap dan panggilan bersih		(74,956)	(65,997)
Pendapatan sewa		564	589
		-----	-----
Tunai dijana dari kendalian		25,665	61,462
Cukai pendapatan dibayar		(16,046)	(27,485)
		-----	-----
Tunai bersih dijana dari aktiviti kendalian	21	9,619	33,977
		-----	-----
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Pembelian harta benda dan peralatan		(4,134)	(6,748)
Prosidi dari jualan harta benda dan peralatan		42	153
		-----	-----
Tunai bersih dijana dalam aktiviti pelaburan	21	(4,092)	(6,595)
		-----	-----
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan			
Dividen dibayar		-	(39,294)
		-----	-----
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	21	-	(39,294)
		-----	-----
Penambahan bersih/ (penurunan) dalam tunai dan kesetaraan tunai			
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	21	5,527	(11,912)
		-----	-----
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	21	13,001	24,913
		-----	-----
		=====	=====
		=====	=====

Nota yang disertakan membentuk sebahagian penting penyata kewangan.

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Nota kepada penyata kewangan - 30 April 2009

1. Maklumat korporat

Aktiviti utama Syarikat adalah dalam perniagaan penaja jamin insurans am.

Tidak terdapat sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama ini di sepanjang tahun kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia. Tempat utama perniagaan Syarikat terletak di Tingkat 18, Menara BGI, Plaza Berjaya, 12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur.

Syarikat pemegang dan syarikat pemegang muktamad adalah Berjaya Capital Berhad dan Berjaya Corporation Berhad, kedua-duanya diperbadankan di Malaysia. Syarikat pemegang muktamad, Berjaya Corporation Berhad disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Penyata kewangan telah dibenarkan untuk penerbitan oleh Lembaga Pengarah menurut satu resolusi para pengarah pada 7 Julai 2009.

2. Dasar perakaunan penting

2.1 Asas penyediaan akaun

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1996 dan Garis Panduan/Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (“BNM”) dan Standard Laporan Kewangan (“FRSs”) di Malaysia. Pada awal tahun kewangan semasa, Syarikat telah menggunakan FRS baru dan pindaan yang menjadi mandatori bagi tempoh kewangan bermula atau selepas 1 Julai 2007 seperti dinyatakan dalam Nota 2.3.

Aset dan liabiliti perniagaan am adalah berkaitan dengan kedua-dua insurans am serta dana pemegang saham.

Penyata kewangan dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang paling hampir (RM'000) kecuali jika dinyatakan.

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting

(a) Keputusan menaja jaminan insurans am

Keputusan menaja jaminan insurans am ditentukan untuk setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira insurans semula, rizab premium tidak terperoleh, komisen dan tuntutan tertanggung bersih.

(i) Pendapatan Premium

Pendapatan premium bersih dari insurans semula diiktiraf berdasarkan andaian risiko.

Premium insurans semula persediaan alir masuk diiktiraf atas dasar nasihat berkala yang diterima daripada penanggung insurans penyerah.

(ii) Rizab premium tidak terperoleh

Rizab premium tidak terperoleh (“UPR”) mewakili bahagian premium bersih polisi insurans bertulis yang berkaitan dengan tempoh tidak luput polisi pada akhir tahun kewangan.

Dalam menentukan UPR pada tarikh kunci kira-kira, kaedah yang paling tepat untuk menggambarkan liabiliti sebenar telah digunakan, iaitu seperti berikut:

- Kaedah 25% bagi kargo marin, kargo penerbangan dan transit
- Kaedah 1/24 untuk semua kelas perniagaan lain (kecuali polisi bukan tahunan) yang dikurangkan mengikut peratusan yang sama bagi komisen kasar perniagaan langsung yang diambil kira, serta perbelanjaan yang berkaitan bagi agensi, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM seperti berikut:

Motor and bon	10%
Kebakaran, kejuruteraan, penerbangan dan badan kapal	15%
Kelas-kelas lain	25%

- Kaedah 1/8 untuk perniagaan triti alir masuk luar negara dengan potongan 20% untuk komisen
- Polisi bukan tahunan dengan jangka masa liputan menjangkau lebih satu tahun, diperuntukkan masanya selama tempoh tanggungan risiko.

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(a) Keputusan menaja jaminan insurans am (samb.)

(iii) Kos perolehan

Kos perolehan dan memperbaharui polisi insurans bersih dari pendapatan diperolehi daripada premium insurans semula penyerah yang diiktiraf sebagai tertanggung dan diperuntukkan sewajarnya mengikut tempoh di mana ia berkemungkinan menghasilkan pendapatan.

(iv) Peruntukan bagi tuntutan

Liabiliti untuk tuntutan belum jelas diiktiraf berdasarkan kedua-dua insurans langsung dan insurans semula alir masuk. Jumlah tuntutan belum jelas adalah anggaran terbaik bagi perbelanjaan yang diperlukan berserta dengan perbelanjaan berkaitan ditolak pemulihan untuk menyelesaikan obligasi semasa pada tarikh kunci kira-kira.

Peruntukan turut dibuat bagi kos tuntutan berserta dengan perbelanjaan berkaitan yang tertanggung tetapi tidak dilaporkan (“IBNR”) pada tarikh kunci kira-kira, menggunakan kaedah pengiraan anggaran berdasarkan corak perkembangan tuntutan sebenar.

(b) Harta benda dan kelengkapan serta susut nilai

Semua item harta benda, loji dan kelengkapan pada permulaannya direkod pada kos. Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun bawaan asset atau diiktiraf sebagai asset berasingan yang bersesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi masa depan yang berkaitan dengan item akan diperolehi oleh Syarikat dan kos item boleh diukur dengan hakiki. Amaun bawaan bagi bahagian gantian tidak diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicajkan kepada penyata pendapatan semasa tempoh kewangan di mana ia berlaku.

Berikutan pengiktirafan, harta benda, loji dan kelengkapan adalah dinyatakan pada kos tolak susut nilai dan sebarang kerugian kerosakan terkumpul.

Susut nilai harta benda, loji dan kelengkapan adalah diperuntukan atas dasar garisan lurus untuk menghapus kira kos setiap asset kepada nilai sisanya selama anggaran hayat berguna, mengikut kadar tahunan berikut:

Hartanah	2%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot, kelengkapan and peralatan pejabat	10%
Komputer	20%

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(b) Harta benda dan kelengkapan serta susut nilai (samb.)

Sisa nilai, hayat berguna dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan jumlah, kaedah dan tempoh susut nilai konsisten dengan anggaran sebelumnya dan corak penggunaan yang dijangka bagi faedah ekonomi masa depan yang wujud dalam item harta benda, loji dan kelengkapan.

Item harta benda dan kelengkapan tidak akan diiktiraf selepas dilupuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada dan amaun bawaan bersih diiktiraf dalam untung rugi.

(c) Kerosakan aset bukan kewangan

Amaun bawaan aset, selain daripada aset cukai tertunda, dikaji semula pada setiap tarikh kunci kira-kira untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda kerosakan. Jika wujud sebarang tanda sedemikian, amaun boleh pulih aset akan dianggarkan bagi menentukan jumlah kerugian kerosakan.

Bagi tujuan menguji kerosakan aset ini, amaun boleh pulih ditentukan mengikut aset individu melainkan aset tidak menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya bebas daripada aset-aset lain. Jika demikian kesnya, amaun boleh pulih ditentukan untuk unit menjana tunai ("CGU") di mana aset ini berada.

Amaun boleh pulih aset adalah nilai saksama aset atau CGU yang lebih tinggi ditolak kos untuk jualan dan nilai kegunaan. Dalam menaksir nilai yang digunakan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra cukai yang mencerminkan taksiran pasaran semasa bagi nilai masa dalam bentuk wang dan risiko yang khusus mengikut aset. Di mana amaun bawaan aset melebihi amaun boleh pulih, aset dianggap terjejas dan dikurangkan nilainya kepada amaun boleh pulih. Kerugian kerosakan diiktiraf berhubungan CGU diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan amaun dibawanya bagi mana-mana muhibah yang diperuntukkan kepada unit-unit tersebut dan kemudiannya mengurangkan amaun bawaan aset-aset lain dalam unit mengikut asas pro-rata.

Kerugian kerosakan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh ianya timbul.

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(c) Kerosakan aset bukan kewangan (samb.)

Kerugian kerosakan bagi aset akan ditarik balik jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih asset sejak kerugian kerosakan diiktiraf. Amaun bawaan aset dinaikkan kepada amaun boleh pulih yang dipinda, dengan syarat amaun ini tidak melebihi amaun dibawanya yang mungkin ditentukan (pelunasan atau susut nilai bersih) sekiranya kerugian kerosakan tidak diiktiraf untuk aset-aset pada tahun sebelumnya.

Penarikan balik kerugian kerosakan bagi aset diiktiraf dalam penyata pendapatan.

(d) Faedah Pekerja

(i) Faedah jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial dikenal pasti sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Syarikat. Ketidakhadiran pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang mana ia meningkatkan hak mereka kepada baki terimbu masa depan, dan ketidakhadiran terimbu bukan terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Pelan caruman wajib

Sepertimana diwajibkan oleh undang-undang, Syarikat membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan/akaun hasil sepertimana ditanggung.

(e) Pengiktirafan hasil yang lain

Hasil diiktiraf apabila terdapat kemungkinan faedah-faedah ekonomi yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada syarikat dan jumlah hasil boleh diukur secara andal.

(i) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan perkadaran masa yang mengambil kira kadar hasil efektif aset.

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(e) Pengiktirafan hasil yang lain (samb.)

(ii) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf atas dasar pengisytiharan apabila hak untuk menerima bayaran ditetapkan.

(iii) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar akruan selaras dengan syarat-syarat perjanjian yang relevan kecuali di mana kemungkinan membayar sewa telahpun berlaku dan sewa belum bayar masih belum dijelaskan selama lebih enam bulan, di mana dalam keadaan ini pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas penggantungan, sewa diiktiraf berdasarkan penerimaan sehingga semua tunggakan dibayar.

(f) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan perlu dibayar dijangka berhubung dengan keuntungan boleh dicukai bagi tahun tersebut dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti, bagi perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira di antara asas cukai aset dan liabiliti serta amaun yang dibawanya dalam penyata kewangan. Secara dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan yang boleh dipotong sehingga setakat di mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan diperolehi untuk memanfaatkan kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan dikenakan dalam tempoh di mana aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara hakiki pada tarikh kunci kira-kira. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil, kecuali jika ia timbul dari urusan niaga yang diiktiraf terus dalam ekuiti, di mana dalam keadaan ini cukai tertunda tersebut turut dicaj atau dikreditkan terus dalam ekuiti.

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(g) Mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang hampir dengan kadar semasa pada tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, butiran monetari mata wang asing diterjemahkan dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa pada tarikh tersebut. Semua perbezaan kadar pertukaran dimasukkan ke dalam penyata pendapatan/akaun hasil. Matawang asing yang meningkatkan perbezaan kepada kadar pertukaran wang asing yang terutama ialah United States (USD) dan Singapore (SGD).

(h) Syarikat berkaitan

Syarikat berkaitan merujuk kepada syarikat yang mempunyai kaitan dengan Berjaya Corporation Berhad.

(i) Tunai dan kesetaraan tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan dan di bank tetapi tidak termasuk simpanan tetap dan panggilan.

Penyata aliran tunai disediakan mengikut kaedah langsung.

(j) Harta benda pelaburan

Harta benda pelaburan adalah hartanah yang dimiliki atau dipegang bawah faedah pegangan pajak untuk memperoleh pendapatan sewa atau peningkatan nilai modal atau kedua-duanya.

Hartanah ini diukur dengan kos pada permulaannya, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan permulaan, harta benda pelaburan dinyatakan pada nilai saksama.

Nilai saksama diperoleh dengan merujuk kepada bukti pasaran bagi harga urusniaga untuk hartanah yang sama dan dilaksanakan oleh penilai bebas berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf yang sewajarnya dan pengalaman terkini bagi lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

Keuntungan atau kerugian tertimbul daripada perubahan nilai saksama hartanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi bagi tahun dimana ia timbul.

Harta benda pelaburan tidak diiktiraf sama ada apabila ia telah dilupuskan atau apabila harta benda pelaburan tidak digunakan secara kekal dan tiada faedah ekonomi masa depan dijangka diperoleh daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada penamatan atau pelupusan harta benda pelaburan diiktiraf dalam untung rugi dalam tahun ia timbul

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(k) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam kunci kira-kira apabila Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset, liabiliti atau ekuiti selaras dengan pengisian pengaturan berkontrak. Faedah, dividen, laba dan kerugian yang berkaitan dengan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Agihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti, dicajkan terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diimbangi apabila Syarikat mempunyai hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi dan bertujuan untuk menjelaskan sama ada atas dasar bersih atau untuk merealisasi aset dan menjelaskan liabiliti secara serentak.

Maklumat yang didedahkan untuk aset dan liabiliti kewangan yang berkaitan dengan hak dan obligasi yang wujud di bawah kontrak insurans tidak dimasukkan di bawah skop Piawaian Laporan Kewangan 132 Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan.

(i) Sekuriti kerajaan Malaysia dan pelaburan lain yang diluluskan

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pelaburan lain yang diluluskan sebagai mana ditetapkan oleh BNM dinyatakan pada kos terlaras untuk pelunasan premium atau pertambahan diskaun, dikira berdasarkan hasil efektif dari tarikh pembelian sehingga ke tarikh matang. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun dicaj atau dikreditkan ke penyata pendapatan/akaun hasil.

(ii) Pelaburan disembutharga

Pelaburan disembutharga dinyatakan pada kos dan nilai pasaran, bergantung kepada yang mana lebih rendah dan ditentukan berdasarkan portfolio agregat mengikut kategori pelaburan kecuali jika pengurangan nilai pelaburan tertentu tidak dianggap sebagai sementara selaras dengan Peraturan BNM, penurunan nilai akan dibuat terhadap nilai pelaburan tersebut.

(iii) Pelaburan tidak disembutharga

Pelaburan tidak disembutharga dinyatakan pada kos tolak peruntukan untuk sebarang penghausan nilai yang kekal. Peruntukan sebegini dibuat apabila terdapat penurunan selain dari yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan dan diiktiraf sebagai perbelanjaan selama tempoh berlakunya penurunan.

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan Penting (samb.)

2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(k) Instrumen kewangan (samb.)

(iv) Bon terjamin kerajaan dan bon korporat tidak disebutbarga

Bon terjamin kerajaan dan bon korporat tidak disebutbarga yang bercagar atau yang memiliki pengadaran minimum “BBB” (jangka panjang) atau “P3” (jangka pendek) dinilai pada kos terlaras bagi pelunasan premium atau pertambahan diskaun, dikira berdasarkan hasil efektif dari tarikh pembelian sehingga tarikh matang masing-masing. Sebarang bon korporat dengan pengadaran yang lebih rendah akan dinyatakan pada kos dan nilai pasaran, bergantung kepada yang mana lebih rendah.

(v) Belum terima

Belum terima dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan.

Hutang lapuk yang diketahui dihapus kira dan peruntukan khusus dibuat untuk sebarang premium termasuk baki kepada agen, broker dan penanggung insurans semula yang tertunggak lebih dari enam bulan dari tarikh ia layak diterima dan untuk semua hutang yang dianggap ragu.

(vi) Boleh bayar

Belum bayar dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama bagi pertimbangan untuk membayar di masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

(vii) Instrumen ekuiti

Syer biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti.

Dividen atas syer biasa diiktiraf dan dinyatakan dalam penyata perubahan ekuiti dalam tempoh ia diisytiharkan.

(l) Aset tak ketara

Aset tak ketara Syarikat terdiri daripada perisian komputer. Aset tak ketara tersebut yang diperolehi secara berasingan diukur pada pengiktirafan permulaan pada kos. Selepas pengiktirafan permulaan, aset tak ketara dibawa pada kos selepas ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian kerosakan terkumpul.

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(l) Aset tak ketara (samb.)

Hayat berguna Aset tak ketara dinilai sebagai hayat terhingga ataupun hayat tidak terhingga. Aset tak ketara berhayat terhingga dilunaskan berdasarkan kaedah garisan lurus sepanjang hayat berguna ekonomi dan dinilai untuk kerosakan apabila terdapat tanda bahawa aset tak ketara mungkin terjejas. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan untuk sesuatu aset tak ketara yang mempunyai hayat berguna terhingga dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh kunci kira-kira.

Pelunasan dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil

Aset tak ketara yang mempunyai hayat tak terhingga tidak dilunaskan tetapi diuji untuk kerosakaan pada setiap tahun atau lebih kerap jika peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa nilai dibawanya mungkin dijejas secara berasingan atau pada tahap unit penjana tunai ("CGU"). Hayat berguna aset tak ketara yang mempunyai hayat tak terhingga juga dikaji semula pada setiap tahun untuk mengenal pasti sama ada penilaian hayat berguna masih boleh disokong.

(m) Pajakan

(i) Pengelasan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika ia memindahkan kepada Syarikat sebahagian besar semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan. Pajakan tanah dan bangunan diklasifikasikan sebagai pajakan operasi atau kewangan sebagaimana pajakan aset lain dan unsur tanah dan bangunan bagi sesuatu pajakan tanah dan bangunan dipertimbangkan secara berasingan untuk tujuan klasifikasi pajakan

Semua pajakan yang tidak memindahkan sebahagian besar daripada semua risiko dan ganjarannya diklasifikasikan sebagai pajakan operasi, dengan pengecualian berikut:

- Hartanah yang dipegang di bawah pajakan operasi yang menepati takrif hartanah pelaburan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan secara berasingan dan jika dianggap sebagai hartanah pelaburan, ia diambil kira seolah-olah dipegang di bawah pajakan kewangan; dan
- Tanah yang dipegang untuk kegunaan sendiri di bawah pajakan operasi, yang mana nilai saksamanya tidak dapat ditentukan secara berasingan daripada nilai saksama bangunan yang terletak di atasnya pada permulaan pajakan, akan diambil kira sebagai dipegang di bawah pajakan kewangan melainkan bangunannya juga dipegang di bawah pajakan operasi.

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.2 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(m) Pajak (samb.)

(ii) Pajak kewangan

Aset yang diperolehi menerusi sewa beli atau pajak kewangan dinyatakan pada jumlah yang bersamaan dengan nilai saksama atau nilai kini bayaran pajak minimum pada permulaan pajak, ditolak susut nilai dan kerugian kemerosotan nilai, yang mana lebih rendah. Liabiliti sepadan dicatatkan dalam kunci kira-kira sebagai pinjaman. Semasa mengira nilai kini bayaran pajak minimum, faktor diskaun yang digunakan ialah kadar faedah implisit dalam pajak, sekiranya dapat ditentukan secara praktikal; jika tidak kadar pinjaman tambahan Syarikat digunakan. Sebarang kos langsung awal juga ditambah kepada nilai dibawa aset tersebut.

Bayaran pajak diperuntukkan untuk menjelaskan kos kewangan dan juga mengurangkan liabiliti yang belum jelas. Kos kewangan, yang mewakili perbezaan antara jumlah komitmen pajak dan nilai saksama aset yang diperolehi, diiktiraf dalam untung rugi sepanjang tempoh pajak yang berkenaan supaya menghasilkan kadar caj berkala tetap atas baki tanggungan dalam setiap tempoh perakaunan.

Dasar susut nilai bagi aset dipajak adalah selaras dengan harta benda, loji dan peralatan yang boleh susut nilainya, seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.2(b).

(iii) Pajak operasi

Bayaran pajak operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajak yang berkenaan. Jumlah manfaat insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan belanja sewa sepanjang tempoh pajak, atas dasar garisan lurus.

Dalam kes pajak tanah dan bangunan, bayaran pajak minuman atau bayaran pendahuluan yang dibuat diperuntukkan, sekiranya perlu, antara unsur tanah dan bangunan pajak pada permulaan pajak. Bayaran pendahuluan mewakili prabayar pajak dan dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajak.

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.3 Perubahan dalam dasar perakaunan dan kesan tertimbul dari penggunaan standard laporan kewangan baru dan dipinda (“FRSs”)

Pada 1 April 2008, Syarikat mengguna pakai FRS disemak semula yang berikut, pindaan kepada FRS dan Tafsiran Jawatankuasa Isu (“IC Interpretations”) yang mandatori bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007:

FRS 107: Penyata Aliran Wang Tunai

FRS 111: Kontrak Pembinaan

FRS 112: Cukai Pendapatan

FRS 118: Hasil

FRS 120: Perakaunan bagi Pemberian Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan

FRS 134: Pelaporan Kewangan Interim

FRS 137: Peruntukan, Liabiliti Kontigen dan Aset Kontigen

Pindaan FRS 121: Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing– Pelaburan Bersih
Dalam Operasi Asing

Tafsiran IC 1: Perubahan dalam Penghentian, Pemulihan Liabiliti Berada dan Serupa

Tafsiran IC 2: Syer Ahli di dalam Entiti Koperasi dan Instrumen Serupa

Tafsiran IC 5: Hak kepada Kepentingan tertimbul daripada Dana Penghentian, Pemulihan dan Pemulihan Alam Sekitar

Tafsiran IC 6: Liabiliti tertimbul daripada Penyertaan dalam Pasaran Tertentu- Kelengkapan Elektrik dan Elektronik Buangan

Tafsiran IC 7: Menggunakan Pendekatan Penyataan Semula di bawah FRS 129 (2004) Laporan Kewangan dalam ekonomi hiperinflasi.

Tafsiran IC 8: Skop FRS 2

FRS disemak semula, pindaan kepada FRS dan Tafsiran IC di atas tidak dijangka mendatangkan kesan kewangan penting ke atas penyata kewangan Syarikat. FRS 111, 120 dan 121 dan Tafsiran IC 1,2,5,6,7 dan 8 tidak berkaitan dengan operasi Syarikat.

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.3 Perubahan dalam dasar perakaunan dan kesan tertimbul dari penggunaan standard laporan kewangan baru dan dipinda (“FRSs”) (samb.)

Pada tarikh penyata kewangan ini diluluskan, FRS baru dan Tafsiran IC yang berikutnya telah dikeluarkan tetapi masih belum berkuatkuasa dan tidak digunakan oleh Syarikat:

**Bagi tempoh kewangan
bermula pada atau selepas**

FRS 4: Kontrak Insurans	1 Januari 2010
FRS 7: Instrumen Kewangan: Pendedahan	1 Januari 2010
FRS 8: Segmen Operasi	1 Julai 2009
FRS 123: Kos pinjaman	1 Januari 2010
FRS 139: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Perukuran	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 2 Pembayaran Berasaskan Saham- Syarat Meletak Hak dan Pembatalan	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 1 Menguna Pakai Kali Pertama Piawai Laporan Kewangan dan FRS 127 Penyata Kewangan Disatukan Dan Berasingan: Kos Pelaburan Dalam Entiti Subsidiari, Kawalan Bersama atau Sekutu.	1 Januari 2010
Tafsiran IC 9: Penilaian Semula Derivatif Keseluruhan	1 Januari 2010
Tafsiran IC10 : Laporan Kewangan Interim dan Penjelasan	1 Januari 2010
Tafsiran IC 11. FRS 2- Urus Niaga Saham Kumpulan dan Perbendaharaan	1 Januari 2010
Tafsiran IC 13: Program Kesetiaan Pelanggan	1 Januari 2010
Tafsiran IC 14: FRS 119- Had Ke atas Faedah Aset Tertentu, Keperluan Pendanaan Minimum dan Interaksinya	1 Januari 2010

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.3 Perubahan dalam dasar perakaunan dan kesan tertimbul dari penggunaan standard laporan kewangan baru dan dipinda (“FRSs”) (samb.)

Kesan daripada penggunaan FRS 4 dan FRS 139 ke atas penyata kewangan selepas penerimaannya kali pertama sepertimana dikehendaki menurut perenggan 30(b) FRS 108 Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Kesilapan Perakaunan tidak didedahkan oleh sebab pengecualian yang diberikan oleh FRS masing-masing.

FRS 7, FRS 8, FRS 123, Pindaan kepada FRS 1 dan 2, Tafsiran IC 9, 10, 11, 13 dan 14 tidak dijangka mendatangkan kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Syarikat melainkan perubahan di dalam pendedahan akibat penerimaan FRS 7.

2.4 Penganggaran dan pertimbangan perakaunan penting

(a) Pertimbangan kritikal yang dibuat dalam menggunakan dasar perakaunan

Pertimbangan berikut dibuat oleh pihak Pengurusan dalam proses menggunakan dasar perakaunan Syarikat yang mendatangkan kesan paling penting ke atas amaun yang diiktirafkan di dalam penyata kewangan.

(i) Ketidakpastian dalam anggaran perakaunan bagi perniagaan insurans am

Ketidakpastian utama dalam perniagaan insurans am Syarikat tertimbul daripada peruntukan teknikal termasuk peruntukan bagi premium dan tuntutan liabiliti. Aset premium terdiri daripada rizab premium belum diperoleh manakala liabiliti tuntutan terdiri daripada peruntukan untuk tuntutan belum bayar.

Pada dasarnya, liabiliti tuntutan ditentukan berdasarkan pengalaman tuntutan lepas, pengetahuan semasa mengenai peristiwa, terma dan syarat polisi berkenaan dan tafsiran keadaan. Khususnya berkaitan pada pengalaman lepas dengan kes-kes serupa, trend perkembangan sejarah tuntutan, perubahan perundangan, keputusan kehakiman dan keadaan ekonomi. Adalah pasti bahawa premium dan liabiliti tuntutan masa depan yang sebenar tidak akan berkembang seperti yang diunjurkan dan mungkin berbeza daripada unjuran Syarikat.

Oleh itu, anggaran premium dan liabiliti tuntutan adalah sensitif terhadap pelbagai faktor dan ketidakpastian. Penubuhan peruntukan teknikal adalah satu proses ketidakpastian yang diwarisi dan, akibat daripada ketidakpastian tersebut, penyelesaian akhir premium dan liabiliti tuntutan mungkin berbeza dengan anggaran permulaan.

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Penganggaran dan pertimbangan perakaunan penting (samb.)

(b) Sumber utama penganggaran ketidakpastian

(i) FRS 116: Harta benda, loji dan kelengkapan

FRS 116 yang terpinda: Harta benda, Loji dan Kelengkapan yang memerlukan kajian semula nilai sisa dan hayat berguna tertinggal sesuatu item harta benda, loji dan kelengkapan sekurang-kurangnya pada setiap hujung tahun kewangan.

Pihak pengurusan menganggarkan bahawa nilai sisa dan hayat berguna yang tertinggal adalah berkenaan bagi tahun kewangan semasa.

(ii) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi pelbagai elaun dan peruntukan setakat ia bermungkinan bahawa terdapat keuntungan kena cukai digunakan untuk kerugian, elaun dan peruntukan tersebut. Pertimbangan penting diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktirafkan berdasarkan masa keuntungan kena cukai pada masa depan berserta dengan strategi perancangan cukai pada masa depan

3. Harta benda dan peralatan

	Tanah dan bangunan* RM'000	Perabot, kelengkapan peralatan pejabat dan komputer RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Jumlah RM'000
Pada 30 April 2009				
Kos				
Pada 1 Mei 2008	26,997	16,182	3,078	46,257
Penambahan	-	2,637	827	3,464
Pelupusan	-	-	(257)	(257)
Hapus kira	-	(185)	-	(185)
	<hr/>			
Pada 30 April 2009	26,997	18,634	3,648	49,279
	<hr/>			

Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

3. Harta benda dan peralatan (samb.)

	Tanah dan bangunan*	Perabot, kelengkapan peralatan pejabat dan komputer	Kenderaan bermotor	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 30 April 2009 (samb.)				
Susut nilai dan kerosakan terkumpul				
Pada 1 Mei 2008	5,220	7,870	2,066	15,156
Caj bagi tahun	540	1,954	424	2,918
Pelupusan	-	-	(257)	(257)
Hapus kira	-	(141)	-	(141)
	<hr style="border-top: 1px dashed black;"/>			
Pada 30 April 2009	5,760	9,683	2,233	17,676
	<hr style="border-top: 1px dashed black;"/>			
Amaun bawaan bersih	21,237	8,951	1,415	31,603
	<hr style="border-top: 3px double black;"/>			
Pada 30 April 2008				
Kos				
Pada 1 Mei 2007	25,797	14,564	3,284	43,645
Penambahan	1,200	4,418	471	6,089
Pelupusan	-	-	(677)	(677)
Hapus kira	-	(2,800)	-	(2,800)
	<hr style="border-top: 1px dashed black;"/>			
Pada 30 April 2008	26,997	16,182	3,078	46,257
	<hr style="border-top: 1px dashed black;"/>			
Susut Nilai dan Kerosakan Terkumpul				
Pada 1 Mei 2007	4,684	8,799	2,366	15,849
Caj bagi tahun	536	1,606	354	2,496
Pelupusan	-	-	(654)	(654)
Hapus kira	-	(2,535)	-	(2,535)
	<hr style="border-top: 1px dashed black;"/>			
Pada 30 April 2008	5,220	7,870	2,066	15,156
	<hr style="border-top: 1px dashed black;"/>			
Amaun bawaan bersih	21,777	8,312	1,012	31,101
	<hr style="border-top: 3px double black;"/>			

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

3. Harta benda dan peralatan (samb.)

***Tanah dan bangunan milik Syarikat**

	Hartanah Pegangan kekal RM'000	Hartanah Pegangan pajak RM'000	Jumlah RM'000
Pada 30 April 2009			
Kos			
Pada 1 Mei 2008	22,617	4,830	26,997
Klasifikasi semula	-	-	-
Penambahan	-	-	-
	-----	-----	-----
Pada 30 April 2009	22,617	4,830	26,997
	-----	-----	-----
Susut Nilai dan Kerosakan Terkumpul			
Pada 1 Mei 2008	5,025	195	5,220
Caj bagi tahun	445	95	540
	-----	-----	-----
Pada 30 April 2009	5,470	290	5,760
	-----	-----	-----
Amaun bawaan bersih	16,697	4,540	21,237
	=====	=====	=====
Pada 30 April 2008			
Kos			
Pada 1 Mei 2007	22,617	3,180	25,797
Klasifikasi semula	(450)	450	-
Penambahan	-	1,200	1,200
	-----	-----	-----
Pada 30 April 2008	22,617	4,830	26,997
	-----	-----	-----
Susut Nilai dan Kerosakan Terkumpul			
Pada 1 Mei 2007	4,627	57	4,684
Klasifikasi semula	(45)	45	-
Caj pada tahun	443	93	536
	-----	-----	-----
Pada 30 April 2008	5,025	195	5,220
	-----	-----	-----
Amaun bawaan bersih	17,142	4,635	21,777
	=====	=====	=====

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

4. Aset tak ketara

	2009 RM'000	2008 RM'000
Kos		
Pada 1 Mei 2008/2007	2,092	1,433
Penambahan	671	659
	-----	-----
Pada 30 April	2,763	2,092
	-----	-----
Pelunasan terkumpul		
Pada 1 Mei 2008/2007	1,507	1,245
Caj bagi tahun	98	262
	-----	-----
Pada 30 April	1,605	1,507
	-----	-----
Amaun bawaan bersih		
Pada 30 April	1,158	585
	=====	=====

5. Pelaburan

	2009		2008	
	Nilai Bawaan RM'000	Nilai pasaran/ penunjuk RM'000	Nilai bawaan RM'000	Nilai pasaran/ penunjuk RM'000
Pada Nilai Pasaran:-				
Hartabenda pelaburan	5,300	5,300	5,140	5,140
	-----	-----	-----	-----
Pada Kos:-				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	55,500		42,385	
Pelunasan premium bersih	(27)		(301)	
	-----		-----	
	55,473	56,207	42,084	42,272
	-----	-----	-----	-----
Terbitan Pelaburan Kerajaan	10,225		9,966	
Pertambahan diskaun bersih	(11)		24	
	-----		-----	
	10,214	10,286	9,990	10,045
	-----	-----	-----	-----

Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

5. Pelaburan (samb.)	2009		2008	
	Nilai bawaan RM'000	Nilai pasaran/ penunjuk RM'000	Nilai bawaan RM'000	Nilai pasaran/ penunjuk RM'000
Pada Kos: (samb.)				
Bon Khazanah	-		3,965	
Pertambahan diskaun bersih	-		949	
	-----		-----	
	-	-	4,914	4,936
	-----	-----	-----	-----
Pinjaman Jaminan Kerajaan	5,000	4,978	-	-
	-----	-----	-----	-----
Sebut harga :				
Syer syarikat				
- di dalam Malaysia	116,236		120,809	
- di luar Malaysia	8,969		8,969	
Peruntukan bagi pengurangan nilai*	(19,879)		(9,836)	
	-----		-----	
	105,326	106,089	119,942	148,823
	-----	-----	-----	-----
Dana amanah saham	21,005	21,012	17,332	17,655
	-----	-----	-----	-----
Waran dan stok pinjaman				
- di dalam Malaysia	28,832		28,857	
- di luar Malaysia	587		587	
Peruntukan bagi pengurangan nilai*	(544)		(299)	
	-----		-----	
	22,875	51,798	29,145	118,441
	-----	-----	-----	-----
Tak tercatat:				
Syer dalam syarikat	5,990		3,151	
Peruntukan bagi pengurangan nilai	(5,747)		(2,908)	
	-----		-----	
	243		243	
	-----		-----	
Bon korporat**	63,745		48,745	
Pelunasan premium bersih	(482)		(360)	
	-----		-----	
	63,263	64,359	48,385	49,950
	-----	-----	-----	-----
Pelaburan lain	541		541	
Peruntukan bagi pengurangan nilai	(39)		(39)	
	-----		-----	
	502		502	
	-----		-----	

62605-U

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

5. Pelaburan (samb.)

	2009	2008
	Nilai bawaan RM'000	Nilai pasaran/ penunjuk bawaan RM'000
Pada Kos:-		
Deposit tetap dan panggilan dengan institusi kewangan berlesen:		
Bank berlesen	358,655	283,699
Jumlah pelaburan	----- 647,858 -----	----- 561,376 -----

* peruntukan bagi pengurangan nilai pelaburan telah dibuat untuk pelaburan
disebut harga tertentu mengikut Nota 2.2 (k)(ii).

** semua bon korporat tidak tercatat memiliki penarafan minimum "A" atau "P1".

6. Aset cukai tertunda

	2009	2008
	RM'000	RM'000
Pada awal tahun	5,237	5,888
Diiktiraf dalam penyata pendapatan (Nota 16)	2,956	(651)
Pada akhir tahun	----- 8,193 =====	----- 5,237 =====

Pembentangan selepas imbang yang sewajarnya adalah seperti berikut:

	2009	2008
	RM'000	RM'000
Aset cukai tertunda	9,153	6,036
Liabiliti cukai tertunda	(960)	(799)
	----- 8,193 =====	----- 5,237 =====

Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

6. Aset cukai tertunda (samb.)

Komponen dan pergerakan aset liabiliti cukai tertunda sepanjang tahun kewangan sebelum imbalan adalah seperti berikut:

Aset cukai tertunda

	Peruntukan bagi rizab premium tidak terperoleh RM'000	Peruntukan bagi hutang ragu RM'000	Peruntukan bagi pengurangan nilai pelaburan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Mei 2008	119	2,646	3,271	6,036
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	56	(220)	3,281	3,117
	-----	-----	-----	-----
Pada 30 April 2009	175	2,426	6,552	9,153
	=====	=====	=====	=====
Pada 1 Mei 2007	125	2,327	4,211	6,663
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	(6)	319	(940)	(627)
	-----	-----	-----	-----
Pada 30 April 2008	119	2,646	3,271	6,036
	=====	=====	=====	=====

Liabiliti cukai tertunda

	Elaun Modal Dipercepatkan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Mei 2008	799	799
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	161	161
	-----	-----
Pada 30 April 2009	960	960
	=====	=====
Pada 1 Mei 2007	775	775
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	24	24
	-----	-----
Pada 30 April 2008	799	799
	=====	=====

Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

7. Pinjaman

	2009	2008
	RM'000	RM'000
Pinjaman kakitangan :		
- Bercagar	29	160
- Tanpa cagaran	6	4
	-----	-----
	35	164
	=====	=====
Belum terima dalam tempoh 12 bulan	11	133
Belum terima selepas tempoh 12 bulan	24	31
	-----	-----
	35	164
	=====	=====

Pinjaman kakitangan bercagar menghasilkan faedah sebanyak 4.0% (2008: 4.0%) setahun, sementara pinjaman kakitangan tanpa cagaran adalah bebas faedah

8. Belum terima

	2009	2008
	RM'000	RM'000
Perdagangan belum terima:		
Premium belum jelas termasuk baki agen, broker dan penanggung insurans bersama	36,434	40,082
Peruntukan bagi hutang ragu	(9,983)	(11,051)
	-----	-----
	26,451	29,031
	-----	-----
Amaun belum bayar dari penanggung insurans semula dan syarikat penyerah	1,906	1,112
Peruntukan bagi hutang ragu	(739)	(671)
	-----	-----
	1,167	441
	-----	-----
	27,618	29,472
	-----	-----
Belum terima yang lain:		
Belum terima, deposit dan bayaran terdahulu lain*	5,617	3,662
Pendapatan belum bayar dan terakru	3,955	3,701
	-----	-----
	9,572	7,363
	-----	-----
Jumlah belum terima	37,190	36,835
	=====	=====

* Termasuk dalam belum terima, deposit dan bayaran terdahulu yang lain adalah amaun belum terima sebanyak RM2,154,769 (2008: RM1,733,102) daripada Malaysian Motor Insurance Pool.

62605-U

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

9. Peruntukan bagi tuntutan belum jelas

	2009 RM'000	2008 RM'000
Peruntukan bagi tuntutan belum jelas	389,074	286,550
Boleh pulih dari penanggung insurans semula	(76,412)	(58,435)
	-----	-----
Tuntutan belum jelas bersih	312,662	228,115
	=====	=====

10. Belum bayar

	2009 RM'000	2008 RM'000
Perdagangan belum bayar :		
Amaun belum bayar kepada agen, broker, penanggung insurans bersama dan pihak diinsuranskan	4,298	2,572
Amaun belum bayar kepada penanggung insurans semula dan syarikat penyerah	20,947	22,203
	-----	-----
	25,245	24,775
	=====	=====
Belum bayar yang lain:		
Belum bayar dan liabiliti terakru yang lain*	19,976	13,676
	-----	-----
Jumlah belum bayar	45,221	38,451
	=====	=====

*Termasuk dalam belum bayar dan liabiliti terakru yang lain adalah cagaran tunai yang ditempatkan dengan Syarikat bagi polisi bon yang diterbitkan, berjumlah RM5,231,803 (2008 : RM5,965,744).

11. Rizab premium tidak diperolehi

2009	Kebakaran RM'000	Motor RM'000	Marin Penerbangan & Transit RM'000	Pelbagai RM'000	Jumlah RM'000
Pada awal tahun	11,887	85,626	2,624	32,192	132,329
Penambahan	728	5,270	261	4,053	10,312
	-----	-----	-----	-----	-----
Pada akhir tahun	12,615	90,896	2,885	36,245	142,641
	=====	=====	=====	=====	=====

Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

11. Rizab premium tidak diperolehi (samb.)

2008	Kebakaran RM'000	Motor RM'000	Marin, Penerbangan & Transit RM'000	Pelbagai RM'000	Jumlah RM'000
Pada awal tahun	9,314	63,520	1,854	19,059	93,747
Penambahan	2,573	22,106	770	13,133	38,582
	-----	-----	-----	-----	-----
Pada akhir tahun	11,887	85,626	2,624	32,192	132,329
	=====	=====	=====	=====	=====

12. Modal Syer

	Bilangan syer biasa bernilai RM1.00 setiap satu		Amaun	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Diluluskan:				
Pada awal/akhir tahun	200,000	200,000	200,000	200,000
	=====	=====	=====	=====
Terbitan dan berbayar penuh:				
Pada awal/akhir tahun	118,000	118,000	118,000	118,000
	=====	=====	=====	=====

13. Hasil kendalian

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
Dana Insurans Am:			
Premium kasar		415,009	354,677
Pendapatan pelaburan	14	21,761	20,906
		-----	-----
		436,770	375,583
Dana Pemegang Saham:			
Pendapatan pelaburan	14	399	707
		-----	-----
		437,169	376,290
		=====	=====

62605-U

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

14. Pendapatan pelaburan

	Nota	2009 RM'000	2008 RM'000
Dana Insurans Am:			
Pendapatan faedah daripada:			
Sekuriti Kerajaan Malaysia		2,207	2,358
Bon Korporat		3,254	3,191
Deposit tetap dan panggilan		11,389	9,484
Lain-lain		4	5
		-----	-----
		16,854	15,038
		-----	-----
Dividen kasar dari syer disebut harga di Malaysia		4,331	5,251
Perlunasan premium bersih dari pertambahan diskaun		(73)	(54)
Pendapatan sewa		437	473
Pendapatan pelaburan lain		212	198
		-----	-----
	13	21,761	20,906
		-----	-----
Dana Pemegang Saham :			
Pendapatan faedah daripada:			
Deposit tetap dan panggilan		42	88
Bon Korporat		86	115
Dividend kasar dari syer disebut harga di Malaysia		271	504
		-----	-----
	13	399	707
		-----	-----
Jumlah pendapatan pelaburan		22,160	21,613
		=====	=====

15. Pendapatan kendalian lain – bersih

	2009 RM'000	2008 RM'000
Dana Insurans Am:		
Pendapatan kendalian lain:		
Rugi atas jualan harta benda dan peralatan	-	(135)
Untung atas jualan pelaburan	18,778	59,400
Rugi atas pertukaran asing – terealisasi	(48)	(22)
Pelarasan nilai saksama pada harta benda pelaburan	160	-
Pendapatan rampai	1,053	877
	-----	-----
	19,943	60,120
	-----	-----

Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

15. Pendapatan Kendalian lain – bersih (samb.)

	2009	2008
	RM'000	RM'000
Dana Insurans Am (samb.) :		
Perbelanjaan kendalian lain: (Peruntukan bagi)/pengurangan pelarasan nilai saksama pada pelaburan	(12,357)	3,764
Perbelanjaan rampai	(49)	(34)
	-----	-----
	(12,406)	3,730
	-----	-----
Pendapatan kendalian lain bersih	7,537	63,850
	=====	=====
Dana pemegang saham:		
Pendapatan kendalian lain: Untung atas jualan pelaburan	408	11,433
Peruntukan bagi pengurangan nilai pelaburan	(770)	(476)
	-----	-----
Pendapatan kendalian lain bersih	(362)	10,957
	=====	=====

16. Perbelanjaan cukai pendapatan

	2009	2008
	RM'000	RM'000
Cukai pendapatan:		
Cukai pendapatan semasa	4,860	26,325
Cukai tertunda:		
Berkaitan dengan asal dan penarikbalikan perbezaan sementara (Nota 6)	(2,956)	651
	-----	-----
Perbelanjaan cukai bagi tahun kewangan	1,904	26,976
	=====	=====

Cukai pendapatan semasa dikira pada kadar cukai Malaysia sebanyak 25% (2008: 26%) atas keuntungan boleh taksir bagi tahun ini.

Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

16. Perbelanjaan cukai pendapatan (samb.)

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan yang boleh dikenakan kepada untung sebelum pencukaian mengikut kadar cukai pendapatan berkanun bagi mencukai perbelanjaan pada kadar cukai efektif Syarikat adalah seperti berikut:

	2009	2008
	RM'000	RM'000
Untung sebelum pencukaian	8,457	104,047
	=====	=====
Pencukaian pada kadar cukai berkanun Malaysia -25% (2008: 26%)	2,114	27,052
Kesan perbezaan kadar cukai bagi perniagaan luar pesisir`	(98)	(432)
Kesan pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(479)	(231)
Kesan perbelanjaan tidak deduktibel bagi tujuan cukai	367	488
Kesan perubahan dalam kadar cukai	-	99
	-----	-----
Belanja cukai bagi tahun kewangan	1,904	26,976
	=====	=====

Sebelum tahun taksiran 2008, syarikat perniagaan di Malaysia mengguna pakai sistem imputasi penuh. Menurut Akta Kewangan 2007, yang diwartakan pada 28 Disember 2007, syarikat tidak berhak untuk memotong cukai atas dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada pemegang saham dan dividen tersebut akan dikecualikan cukai di tangan pemegang saham (“sistem cukai satu peringkat”). Namun begitu, satu tempoh sementara selama enam tahun diberikan sehingga 31 Disember 2013, untuk membolehkan syarikat membayar dividen yang ditolak cukai kepada pemegang saham di bawah keadaan tertentu. Syarikat juga mempunyai pilihan yang tidak boleh ditarik balik untuk mengabaikan baki Seksyen 108 dan membuat keputusan membayar dividen di bawah sistem satu peringkat. Perubahan dalam undang-undang cukai juga membenarkan baki Seksyen108 dikunci pada 31 Disember 2008 menurut Seksyen 39, Akta Kewangan 2007.

Syarikat tidak membuat pilihan yang tidak boleh ditarik balik untuk mengabaikan baki Seksyen108. Justeru, dalam tempoh sementara yang ditetapkan, Syarikat boleh menggunakan kredit dalam baki Seksyen 108 pada 30 April 2009 untuk mengagihkan bayaran dividen tunai kepada pemegang saham biasa seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Kewangan 2007. Pada 30 April 2008, Syarikat mempunyai baki Seksyen 108 secukupnya untuk membayar dividen yang sudah ditolak cukai daripada seluruh untung tertahannya.

Pada 30 April 2009, Syarikat mempunyai baki pendapatan dikecualikan cukai berjumlah kira-kira RM46,708,000 (2008:RM46,599,000), yang boleh diagihkan sebagai dividen dikecualikan cukai.

Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

17. Perolehan sesyer

Perolehan asas sesyer dikira dengan membahagikan untung bersih bagi tahun kewangan dengan purata berwajaran bilangan syer biasa diterbitkan di sepanjang tahun kewangan.

	2009	2008
Untung bersih bagi tahun (RM'000)	6,553	77,071
	=====	=====
Bilangan terbitan syer biasa ('000)	118,000	118,000
	=====	=====
Perolehan asas sesyer (sen)	5.6	65.3
	-----	-----

18. Tuntutan tertanggung bersih

2009	Kebakaran RM'000	Motor RM'000	Marin Penerbangan dan Transit RM'000	Pelbagai RM'000	Jumlah RM'000
Tuntutan berbayar kasar tolak sisaan	24,461	128,145	5,070	46,749	204,425
Pemulihan Insurans Semula	(13,480)	(5,773)	(1,681)	(7,319)	(28,253)
	-----	-----	-----	-----	-----
Tuntutan berbayar bersih	10,981	122,372	3,389	39,430	176,172
Tuntutan belum jelas bersih :					
Pada akhir tahun	15,632	256,203	3,362	37,465	312,662
Pada awal tahun	14,963	172,486	4,220	36,446	228,115
	-----	-----	-----	-----	-----
Tuntutan tertanggung bersih	11,650	206,089	2,531	40,449	260,719
	=====	=====	=====	=====	=====

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

18. Tuntutan tertanggung bersih (samb.)

2008	Kebakaran RM'000	Motor RM'000	Marin		Jumlah RM'000
			Penerbangan dan Transit RM'000	Pelbagai RM'000	
Tuntutan berbayar kasar tolak sisaan	26,255	104,267	5,483	27,710	163,715
Pemulihan Insurans Semula	(13,644)	(4,593)	(2,612)	(5,118)	(25,967)
Tuntutan berbayar bersih	12,611	99,674	2,871	22,592	137,748
Tuntutan belum jelas bersih :					
Pada akhir tahun	14,963	172,486	4,220	36,446	228,115
Pada awal tahun	17,570	154,230	3,753	33,283	208,836
Tuntutan tertanggung bersih	10,004	117,930	3,338	25,755	157,027

19. Perbelanjaan pengurusan

	2009 RM'000	2008 RM'000
Ganjaran pengarah eksekutif		
- Gaji elaun dan bonus	1,076	1,148
- Ganjaran lain	45	100
	1,121	1,248
Gaji, bonus, elaun dan kos berkaitan yang lain	23,825	21,525
KWSP (tidak termasuk untuk pengarah)	2,613	2,388
Kos kakitangan	27,559	25,161
Emolumen pengarah bukan-eksekutif :		
- Yuran, elaun dan bonus	213	292
- Ganjaran lain	10	272

Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

19. Perbelanjaan pengurusan (samb.)

	2009 RM'000	2008 RM'000
Ganjaran juruaudit		
- Audit berkanun	85	80
- Perkhidmatan lain	46	5
	131	85
Sewaan hartanah	754	724
Susut nilai loji dan kelengkapan	2,918	2,496
Pelunasan bagi aset tak ketara	98	262
Peruntukan bagi Levi Dana Skim Jaminan Insurans	1,011	865
Hutang lapuk/hutang ragu	(1,000)	1,630
Perbelanjaan lain	19,940	19,132
	----- 51,634	----- 50,674
	=====	=====

Ganjaran, termasuk manfaat barangan, yang boleh diberikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat di sepanjang tahun berjumlah sebanyak RM805,585 (2008: RM958,314). Anggaran nilai kewangan manfaat barangan yang termasuk di atas berjumlah sebanyak RM20,742 (2008: RM31,750).

20. Dividen

	Dividen berhubung pada tahun		Dividen Diiktiraf pada tahun	
	2009	2008	2009	2008
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Diiktiraf pada tahun 2008:				
Dividen interim pertama bagi 2008 :				
30% tolak 26% pencukaian				
keatas 118,000,000 syer biasa				
(22.2 sen sesyer biasa)	-	26,196	-	26,196
Dividen interim kedua bagi 2008:				
15% tolak 26% pencukaian				
keatas 118,000,000 syer biasa				
(11.1 sen sesyer biasa)	-	13,098	-	13,098
	-----	-----	-----	-----
	-	39,294	-	39,294
	=====	=====	=====	=====

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

21. Maklumat berpetak tentang aliran tunai

2009	Dana insurans am RM'000	Dana pemegang saham RM'000	Jumlah RM'00
Tunai bersih dijana dari/ (digunakan dalam):			
Aktiviti kendalian	9,619	-	9,619
Aktiviti pelaburan	(4,092)	-	(4,092)
	-----	-----	-----
	5,527	-	5,527
	=====	=====	=====
Perubahan dalam baki tunai dan kesetaraan tunai:			
Pada awal tahun kewangan	12,409	592	13,001
Pada akhir tahun kewangan	17,936	592	18,528
	-----	-----	-----
	5,527	-	5,527
	=====	=====	=====
2008			
Tunai bersih dijana dari/(digunakan dalam):			
Aktiviti kendalian	33,977	-	33,977
Aktiviti pelaburan	(6,595)	-	(6,595)
Aktiviti pembiayaan	(39,294)	-	(39,294)
	-----	-----	-----
	(11,912)	-	(11,912)
	=====	=====	=====
Perubahan bersih dalam baki tunai dan kesetaraan tunai:			
Pada awal tahun kewangan	24,321	592	24,913
Pada akhir tahun kewangan	12,409	592	13,001
	-----	-----	-----
	(11,912)	-	(11,912)
	=====	=====	=====

22. Pendedahan pihak berkaitan

(a) Pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, sesuatu pihak dianggap berkaitan dengan Syarikat jika Syarikat berupaya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal pihak tersebut atau mempunyai pengaruh besar terhadap keputusan kewangan dan operasi pihak tersebut dan begitu juga sebaliknya, atau apabila Syarikat dan pihak tersebut berada di bawah kawalan bersama atau pengaruh besar bersama. Pihak berkaitan mungkin seorang individu atau entiti lain. Pihak berkaitan juga termasuk semua Pengarah Syarikat.

**Berjaya Sampo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

22. Pendedahan pihak berkaitan (samb.)

(a) Pihak berkaitan (samb.)

Dalam urusan perniagaan biasa, Syarikat menjalankan pelbagai urus niaga dengan anak syarikat dan syarikat sekutu di bawah syarikat pemengangan muktamadnya, Berjaya Corporation Berhad dan syarikat lain yang dianggap sebagai pihak berkaitan menerusi pegangan saham pengarah bersama dan kepentingan pemegang saham korporat dalam syarikat pemengangan muktamad. Para pengarah berpendapat bahawa Syarikat menjual polisi insurans kepada syarikat berkaitan dan pihak berkaitan dengan terma dan syarat yang tidak lebih baik daripada yang diberikan bagi urus niaga sama dengan pelanggan lain atau kakitangannya dan urus niaga lain dengan pihak berkaitan juga tidak dibuat berasaskan terma dan syarat yang lebih baik daripada yang diberikan dalam urus niaga yang sama dengan pihak yang tidak berkaitan, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(b) Kakitangan pengurusan kanan

Kakitangan pengurusan kanan ditakrifkan sebagai pihak yang mempunyai kuasa dan memikul tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal kegiatan Syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sejarar dengan klasifikasi kumpulan, kakitangan pengurusan kanan kami termasuk Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif yang juga merupakan Pengarah Syarikat.

Urusniaga dan baki pihak berkaitan

Urusniaga pihak berkaitan penting dalam tahun adalah seperti berikut:-

	2009	2008
	RM'000	RM'000
Urusniaga pihak berkaitan:		
Syarikat pemengangan muktamad		
- Berjaya Corporation Berhad dan syarikat-syarikat subsidiarinya		
Pendapatan premium kasar	13,010	11,197
	-----	-----
Syarikat pemengangan		
- Berjaya Capital Berhad dan syarikat-syarikat subsidiarinya		
Pendapatan premium kasar	315	224
Yuran brokeraj	(195)	(437)
	-----	-----
- Syarikat dimana pemegang saham yang dapat mengawal syarikat pemengangan muktamad mempunyai kepentingan		
Pendapatan premium kasar	2,615	4,116
	-----	-----

62605-U**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)****22. Pendedahan pihak berkaitan (samb.)****(b) Urusniaga dan baki pihak berkaitan (samb.)**

	2009	2008
	RM'000	RM'000
Pemegang saham korporat:		
- Sompo Japan Insurance Inc		
Premium diserahkan	(179)	(177)
Komisen diterima	20	23
	-----	-----
Syarikat berkaitan lain:		
Premium diserahkan	(8,858)	(9,721)
Komisen diterima	2,426	2,637
Pemulihan tuntutan	837	1,218
Yuran kajian risiko dibayar	(89)	(59)
	-----	-----
Baki pihak berkaitan:		
Hutang dari syarikat-syarikat berkaitan		
Syarikat pemegang muktamad		
- Berjaya Corporation Berhad dan subsidiarinya	441	212
	-----	-----
Syarikat berkaitan lain		
- Syarikat dimana pemegang saham yang dapat mengawal syarikat pemegang muktamad mempunyai kepentingan	749	313
	-----	-----
Pemegang saham Korporat		
- Sompo Japan Insurance, Inc	(15)	(47)
	-----	-----
Syarikat Berkaitan Lain	(821)	(855)
	-----	-----

Pampasan kakitangan pengurusan kanan

Ganjaran bagi para Pengarah Eksekutif Syarikat di sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2009	2008
	RM'000	RM'000
Manfaat Pekerja Jangka Pendek	1,076	1,148
-Gaji, elaun dan bonus	45	100
-Ganjaran lain	100	83
-Manfaat barangan	-----	-----
	1,221	1,331
	=====	=====

Ganjaran bagi para Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat di sepanjang tahun kewangan didedahkan dalam Nota 19 kepada penyata kewangan.

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

23. Instrumen kewangan

(a) Objektif dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan

Dasar pengurusan risiko kewangan Syarikat bertujuan untuk memastikan bahawa terdapat sumber kewangan yang mencukupi bagi aktiviti perniagaan Syarikat di samping menguruskan risiko kadar faedah, kecairan, pasaran serta kredit Syarikat. Syarikat beroperasi mengikut dasar serta garis panduan yang telah ditetapkan dengan jelas dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

(b) Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah utama Syarikat adalah berkaitan dengan aset yang menghasilkan faedah. Aset berfaedah ini terdiri daripada simpanan dengan institusi kewangan berlesen dan pinjaman kakitangan bercagar. Risiko kadar faedah timbul dari pergerakan kadar faedah yang menjejaskan pelaburan semula aset berfaedah.

Syarikat menguruskan risiko kadar faedah simpanannya dengan institusi kewangan berlesen secara bijaksana dengan mengekalkan gabungan simpanan jangka pendek dan lebih panjang serta mengkaji semula portfolio simpanannya secara aktif.

(c) Risiko Kecairan

Syarikat menguruskan profil simpanannya secara aktif dengan institusi kewangan, aliran tunai kendalian serta ketersediaan pembiayaan bagi memastikan bahawa kesemua keperluan pengendaliannya dapat dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan pengurusan kecairan yang bijaksana. Syarikat mengekalkan tahap tunai atau pelaburan boleh tukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

(d) Risiko Pasaran

Pelaburan Syarikat dalam ekuiti dan amanah saham adalah tertakluk kepada harga berubah-ubah pasaran. Pelaburan Syarikat dalam ekuiti, bon dan amanah saham adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pelaburan.

(e) Risiko Kredit

Perdagangan belum terima dipantau nalar dan Syarikat mengambil guna pelbagai kaedah kawalan dalaman untuk meminimumkan risiko kredit ini.

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

23. Instrumen kewangan (samb.)

(f) Struktur Kematangan Pelaburan

Struktur kematangan pelaburan, pada kos (tidak termasuk pelaburan ekuiti, waran, dana amanah saham dan hartanah pelaburan) adalah seperti berikut:

	Penetapan semula harga berkontrak yang berfaedah atau Tarikh matang (yang mana terdahulu)			Jumlah RM'000
	1 tahun atau kurang RM'000	1 tahun ke 5 tahun RM'000	Lebih dari 5 tahun RM'000	
2009				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	5,001	50,472	-	55,473
Terbitan Kerajaan Malaysia	-	10,214	-	10,214
Pinjaman Jaminan Kerajaan	-	5,000	-	5,000
Bon Korporat Tidak Disebutharga	9,994	45,042	8,227	63,263
Simpanan tetap dan panggilan dengan institusi kewangan berlesen dan perbadanan- perbadanan lain	357,655	1,000	-	358,655
	-----	-----	-----	-----
2008				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	22,038	15,024	5,022	42,084
Terbitan Kerajaan Malaysia	9,990	-	-	9,990
Bon Khazanah	4,914	-	-	4,914
Bon Korporat Tidak Disebutharga	-	40,038	8,347	48,385
Simpanan tetap dan panggilan dengan institusi kewangan berlesen dan perbadanan- perbadanan lain	283,699	-	-	283,699
	-----	-----	-----	-----

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

23. Instrumen kewangan (samb.)

(g) Kadar pulangan purata wajaran

Kadar pulangan purata wajaran dan kematangan simpanan purata masih ada pada tarikh kunci kira-kira bagi Syarikat adalah seperti berikut:

	Kadar Pulangan purata wajaran (% setiap tahun)		Kematangan masih ada purata wajaran (Hari)	
	2009	2008	2009	2008
Bank berlesen	2.7	3.6	136	150
Syarikat kewangan				
Institusi kewangan lain	2.0	3.4	6	6
	-----	-----	-----	-----

(h) Nilai saksama

Agregat nilai saksama bersih bagi aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama dalam kunci kira-kira Syarikat dibentangkan seperti berikut:-

	Nilai Bawaan		Nilai Saksama	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Pelaburan				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	55,473	42,084	56,207	42,272
Terbitan Kerajaan Malaysia	10,214	9,990	10,286	10,045
Bon Khazanah	-	4,914	-	4,936
Pinjaman Jaminan Kerajaan	5,000	-	4,978	-
Saham Disebutharga Perbadanan	105,326	119,942	106,089	148,823
Dana amanah saham	21,005	17,332	21,012	17,655
Waran dan saham pinjaman disebutharga	22,875	29,145	51,798	118,441
Saham perbadanan tidak disebutharga	243	243	*	*
Bon korporat tidak disebutharga	63,263	48,385	64,359	49,950
	-----	-----	-----	-----

* Adalah tidak praktikal untuk menganggarkan nilai saksama saham tidak disebutharga kerana harga penunjuk peringkat kedua bagi saham-saham ini tidak sedia wujud.

**Berjaya Sompo Insurance Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

23. Instrumen kewangan (samb.)

(h) Nilai saksama (samb.)

Kaedah dan andaian berikut digunakan untuk menganggarkan nilai saksama kelas-kelas instrumen kewangan seperti berikut:

Tunai dan kesetaraan tunai dan diterima/dibayar

Amaun dibawa adalah hampir dengan nilai saksama akibat dari tempoh matang jangka pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

Pelaburan

Nilai saksama bagi bon korporat tidak disebutharga, Sekuriti Kerajaan Malaysia, Cagamas, dan Bon Khazanah merupakan nilai penunjuk yang diperolehi dari pasaran peringkat kedua.

Nilai saksama bagi syer, waran dan saham pinjaman syarikat disebutharga ditentukan dengan merujuk kepada sebut harga pasaran yang ditutup pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai saksama bagi dana amanah saham ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran oleh pengurus dana amanah saham